



1 Oktober 2015  
1 October 2015  
P.U. (A) 221

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA PELANCONG DARIPADA REPUBLIK RAKYAT CHINA) (PENGECCUALIAN) 2015

### *PASSPORT (VISA TO TOURIST FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA) (EXEMPTION) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966  
PERINTAH PASPORT  
(VISA KEPADA PELANCONG DARIPADA REPUBLIK RAKYAT CHINA)  
(PENGECUALIAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Visa kepada Pelancong daripada Republik Rakyat China) (Pengecualian) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2015 hingga 31 Mac 2016.

**Pengecualian**

2. Menteri mengecualikan semua pelancong yang merupakan warganegara Republik Rakyat China daripada keperluan visa yang dikehendaki di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) pelancong hendaklah didaftarkan melalui Sistem Pendaftaran Pelancong Berkumpulan oleh agensi pelancongan di Republik Rakyat China yang berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Malaysia di Republik Rakyat China;
- (b) pelancong hendaklah memasuki Malaysia dengan kumpulan pelancong yang mengandungi tidak kurang daripada dua puluh orang dan melalui agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- (c) tempoh Pas Lawatan Sosial hanya terhad kepada lima belas hari sahaja bagi setiap kemasukan tanpa apa-apa pelanjutan tempoh;

- (d) masuk dan keluar dari Malaysia hanya melalui pintu masuk udara yang dibenarkan seperti yang berikut:
- (i) U21A Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang;
  - (ii) U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
  - (iii) U15 Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor;
  - (iv) U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak;
  - (v) U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah; atau
  - (vi) U02 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, Kedah;
- (e) pelancong tidak dibenarkan memohon apa-apa pas lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*L.N 228/1963*];
- (f) pelancong hendaklah menaiki penerbangan terus dari Republik Rakyat China ke Malaysia dan mempunyai tiket penerbangan balik; dan
- (g) pelancong hendaklah mengemukakan bukti wang poket yang mencukupi, kad kredit atau kad ATM dengan logo *UnionPay* dan jadual perjalanan semasa ketibaan.

Dibuat 30 September 2015  
[KDN(S):IM 03/208/4 Jld 2; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Menteri Dalam Negeri*

PASSPORT ACT 1966

PASSPORT (VISA TO TOURIST FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA)  
(EXEMPTION) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by subsection 4 of the Passport Act [*Act 150*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Passport (Visa to Tourist from the People's Republic of China) (Exemption) Order 2015**.

(2) This Order comes into operation on 1 October 2015 until 31 March 2016.

**Exemption**

2. The Minister exempts all tourists who are citizens of the People's Republic of China from the requirement of visa required under subsection 2(1) of the Act subject to the following conditions:

- (a) tourist shall be registered through the Group Tourist Registration System by a travel agency in the People's Republic of China registered with the Malaysian Mission Office in the People's Republic of China;
- (b) tourist shall enter Malaysia with a tourist group which consist of not less than twenty persons and through a travel agency registered with the Ministry of Tourism and Culture of Malaysia;
- (c) the period of Social Visit Pass shall only be limited to fifteen days for each entry without any extension of period;

- (d) enter and exit from Malaysia only through the authorized points of entry by air as follows:
- (i) U21A Kuala Lumpur International Airport, Sepang;
  - (ii) U05 Pulau Pinang Airport, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
  - (iii) U15 Sultan Ismail Airport, Johor Bahru, Johore;
  - (iv) U17 Kuching Airport, 1st Division, Sarawak;
  - (v) U29 Kota Kinabalu Airport, Sabah; or
  - (vi) U02 Langkawi International Airport, Kedah;
- (e) tourist shall not be allowed to apply for any other passes issued under the Immigration Regulations 1963 [L.N 228/1963];
- (f) tourist shall take direct flight from the People's Republic of China to Malaysia and have a return air ticket; and
- (g) tourist shall produce proof of sufficient pocket-money, credit card or ATM card with the UnionPay logo and itinerary on arrival.

Made 30 September 2015  
[KDN(S):IM 03/208/4 Jld 2; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Minister of Home Affairs*